

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SIKAP MASYARAKAT TERHADAP TEROMBA

SRI QAMARIAH BINTI MOHD SAMSIR

Tesis ini dikemukakan
bagi memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Bahasa Gunaan

Akademi Pengajian Bahasa

Mei 2013

PENGAKUAN

Dengan ini, saya ingin menyatakan bahawa segala kerja yang dilakukan dalam tesis ini telah dihasilkan tertakluk kepada peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia merupakan karya yang asli dan dihasilkan oleh saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber rujukannya. Tesis ini belum pernah dihantar atau diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau institusi bukan akademik untuk tujuan pengijazahan atau lain-lain penganugerahan.

Sekiranya tesis ini telah terbukti melanggar perkara yang telah disebutkan di atas, saya dengan suka relanya akan mengenyepikan atau tidak menuntut sebarang hak untuk penganugerahan ijazah saya. Saya juga bersetuju supaya dikenakan tindakan disiplin berdasarkan peraturan yang telah termaktub oleh Universiti Teknologi MARA.


Nama : Sri Qamariah Binti Mohd Samsir

No. Pelajar : 2010621526

Program : Ijazah Sarjana Bahasa Gunaan

Fakulti : Akademi Pengajian Bahasa

Tajuk : Sikap Masyarakat Terhadap Teromba

Tandatangan : 

Tarikh : Mei 2013

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis sikap ketua adat dan anggota masyarakat terhadap teromba di kampung Baru Ayer Hitam, Negeri Sembilan. Sebanyak 70 set borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terdiri daripada penduduk kampung yang berumur 20 tahun dan ke atas. Sikap dianalisis berdasarkan penjadualan bersilang dengan angkubah taraf sosial, jantina, umur, tahap pendidikan, pekerjaan dan suku. Empat faktor sikap yang terlibat adalah nilai, minat, persepsi dan keberterusan warisan. Hasil dapatan kajian mendapati kesemua ketua adat bersikap positif terhadap teromba. Ini kerana mereka adalah golongan yang sangat dekat dengan teromba. Manakala majoriti anggota masyarakat juga bersikap positif. Hal ini kerana persepsi mereka terhadap teromba juga positif. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir anggota masyarakat yang bersikap negatif terhadap teromba. Ini kerana mereka tidak memahami teromba, merasakan teromba sesuatu yang leceh dan membebankan serta tiada minat. Sikap positif orang yang paling dekat dengan teromba iaitu ketua adat menunjukkan bahawa teromba masih berperanan dalam ritual masyarakat Adat Perpatih. Walau bagaimanapun, ia perlu dipupuk dalam kalangan anggota masyarakat terutamanya golongan muda sebagai pewaris. Jika tidak dipupuk dikhuatiri ia akan hilang ditelan zaman. Selain daripada itu, sikap negatif masyarakat juga boleh menyumbang kepada kepupusan khazanah ini.

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

Besar cita-cita saya untuk menggenggam segulung ijazah. Tanpa sokongan dan bantuan daripada ramai orang belum tentu cita-cita ini terlaksana. Justeru, penghargaan saya yang tidak terhingga harus dinyatakan kepada mereka.

Pertamanya, ucapan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM) kerana memberi peluang dan ruang untuk menjadi salah seorang warganya. Dengan peluang tersebut, maka berdiri dengan penuh bangga membawa misi dan visi UiTM dalam mendidik diri menjadi insan yang stabil dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Keduanya, ucapan setinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Norizah Ardi yang sanggup berkorban masa, tenaga dan wang ringgit serta ilmu yang tidak ternilai dalam memastikan penyelidikan ini dapat disiapkan. Juga kepada Prof. Dr. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff kerana sudi dan ikhlas mencurahkan ilmu. Sikap dan sokongan yang kalian berikan dapat meringankan sedikit cabaran yang dihadapi serta memberi keyakinan bahawa kajian ini mampu disiapkan dalam masa yang ditetapkan dengan jayanya.

Penghargaan seterusnya adalah kepada Pn. Nor Azita Che Din (Pensyarah Budaya UiTM), rakan-rakan yang tidak pernah jemu membantu dan memberi nasihat serta pandangan. Akhirnya penghargaan yang tidak terhingga ditujukan istimewa untuk abah, emak, kakak, abang dan adik-adik yang sebenarnya mereka adalah nombor satu di hati ini. Tanpa sokongan emosi, mental dan fizikal daripada kalian tidak mungkin kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta yang tidak jemu menyokong dan memberi sepenuh dorongan. Keyakinan tidak terbatas kalian terhadap kemampuan diri ini membantu membina semangat juang yang tinggi untuk berjaya menghabiskan pengajian ini. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah dan yang buruk itu datangnya dari Allah juga tetapi di atas kelemahan diri sendiri.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini mengenai sikap masyarakat Melayu Negeri Sembilan terhadap teromba. Teromba merupakan tradisi lisan yang ada dalam masyarakat Negeri Sembilan. Ia juga dikenali sebagai *tambo* atau ungkapan adat. Sama seperti pantun, syair, gurindam, nazam dan sebagainya teromba hanya digunakan khusus oleh masyarakat Adat Perpatih. Begitu juga dengan *waka* atau *haiku* di Jepun, *Sonnet* di Eropah dan *Qasidah* di Arab, kesemuanya merupakan puisi yang menjadi kebanggaan masyarakat negara tersebut.

Teromba adalah khazanah budaya yang di dalamnya terkandung identiti Melayu. Menurut Mohd Rosli Saludin (2009), dalam teromba wujud nilai-nilai kehidupan, norma-norma dalam pergaulan, falsafah hidup serta hukum-hukum yang harus dipatuhi. Ia juga mengandungi konotasi adat yang digunakan sehingga kini di Minangkabau dan beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka sebagai panduan dan amalan terutama dalam Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Teromba merupakan sejenis *tambo* berbentuk prosa berirama dan kadang-kadang pantun bercerita. Di dalamnya juga wujud puisi yang bercerita tentang adat istiadat (Abdul Rozak Zaidan, 1994: 204) serta sisipan puisi tertentu seperti pantun, peribahasa, terasul, gurindam, syair, ungkapan dan sebagainya. Walau bagaimanapun teromba tidak ditentukan jumlah baris, rangkap, rima juga jumlah perkataan dalam sesuatu baris.

Kajian ini akan mengenal pasti sikap masyarakat terhadap teromba. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sikap masyarakat terhadap teromba. Antaranya nilai, minat, persepsi dan keberterusan warisan. Sikap bermaksud gambaran perasaan menyukai atau tidak menyukai seseorang individu terhadap sesuatu perkara atau perlakuan (Fishbein & Ajzen, 1975). Faktor-faktor seperti nilai, minat, persepsi dan keberterusan warisan akan menjelaskan sikap masyarakat sama ada positif (suka) atau negatif (tidak suka) terhadap teromba.